



ISMAIL Sabri melawat ruang pameran pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 di Shah Alam.

Program galak pilih bidang TVET

Lancar Dermasiswa B40 Pendidikan TVET bantu pelajar B40

Shah Alam

Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob semalam mengumumkan pelaksanaan Program Dermasiswa B40 Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), khusus untuk pelajar B40 yang mengikuti pengajian dalam bidang berkenaan di institusi pengajian tinggi awam bawah seliaan Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun ini.

Ismail Sabri berkata, program itu dilaksanakan bagi meningkatkan motivasi dan galakan kepada pelajar untuk memilih bidang TVET dengan membabitkan seramai 1,000 pelajar bagi pengambilan pertama.

“Kerajaan menjangkakan program ini melibatkan implikasi kewangan berjumlah RM36.41 juta bagi setiap pengambilan,” katanya pada Majlis Perasmian Minggu TVET Negara 2022 di sini, semalam.

Justeru, beliau yakin program tersebut akan menawarkan lebih banyak peluang kepada anak-anak Keluarga Malaysia terutamanya daripada kumpulan

171,412

Bilangan program TVET di peringkat diploma dan sarjana muda ditawarkan

B40 mendapat akses pendidikan di peringkat lebih tinggi, seterusnya membina kerjaya dalam bidang TVET.

Beliau berkata, TVET dikenali pasti sebagai satu daripada 14 pemacu perubahan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) kerana sudah sampai masa TVET menjadi pilihan utama para belia dalam mempersiapkan diri mereka untuk masa depan seperti mana negara maju lain.

Turut hadir, Menteri Pengajian Tinggi Datuk Seri Dr Noraini Ahmad, Menteri Kanan Pendidikan Datuk Dr Radzi Jidin, Menteri Sumber Manusia Datuk Seri M Saravanan, Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Seri Mahdzir Khalid dan Menteri Belia dan Sukan Datuk Seri Faizal Azumu.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut mengisytiharkan 2 Jun se-

bagai Hari TVET Negara yang wajar disambut setiap tahun bagi menghargai sumbangan pelbagai pihak berkaitan TVET.

“Tarikh itu juga bersempena penubuhan Politeknik Ungku Omar, yang merupakan institusi penyedia TVET terawal negara sejak 1969,” katanya.

Ismail Sabri berkata, selain pengisytiharan Hari TVET Negara, penganjuran Sambutan Minggu TVET Negara juga merupakan antara tindakan dalam Pelan Penjenamaan TVET Nasional.

Menurutnya keprihatinan kerajaan terhadap TVET diserlahkan dengan pembiayaan yang tinggi, iaitu 80 peratus penyedia TVET awam menawarkan program TVET secara percuma dan bagi tahun 2019 hingga 2021, sebanyak 171,412 program TVET di peringkat diploma dan sarjana muda ditawarkan.

Perdana Menteri berkata kesedaran orang ramai terhadap pekerjaan sektor TVET yang memerlukan kemahiran spesifik dan menawarkan sumber pendapatan tinggi sudah meningkat, tetapi belum men-

capai tahap yang disasarkan.

Katanya, anjakan paradigma mesti dilakukan bagi meningkatkan persepsi positif dengan sokongan ibu bapa, belia dan industri terhadap TVET.

“Terdapat banyak platform media sosial yang boleh dimanfaatkan secara optimum bagi mempromosikan TVET termasuk memaparkan kejayaan graduan dan alumni TVET, sekali gus menjadikannya sebagai kerjaya pilihan,” katanya.

Pada masa yang sama, Ismail Sabri juga menyeru pihak industri supaya menjadi rakan kongsi strategik dengan turut mempromosikan TVET kepada Keluarga Malaysia seperti menonjolkan peluang kerjaya dalam industri dan membenarkan pelajar membuat lawatan ke industri mereka.

“Saya percaya, langkah ini dapat meningkatkan daya tarikan ramai, sekali gus menjadikan TVET pemangkin utama dalam melahirkan tenaga kerja tempatan yang berkemahiran tinggi seperti mana negara maju yang lain,” katanya.